

D892

U 8491 DEB
MAHATHIR - PBS

KUALA KELAWANG, 26 OGOS (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMADHARIINI BERKATA BELIAU TIDAK BERHAJAT MEMBUAT ROMBAKAN KABINET SEWINGGA PILIHAN RAYA UMUM AKAN DATANG.

PENGEKALAN ENCIK KALAUKAU UNTOL SEBAGAI TIMBALAN MENTERI BURUH BUKANLAH SUATU PERKARA LUAR BIASA KERANA +KALAU PUN SESEORANG ITU DISINGKIRKAN DARIPADA PARTINYA, ADA KALANYA KITA KEKALKAN DIA DALAM KERAJAAN,+ KATANYA PADA PERSIDANGAN AKHBAR DISINI.

DATUK SERI DR MAHATHIR YANG JUGA Pengerusi Barisan Nasional (BN) MENYATAKANKAN DEMIKIAN KETIKA MENJAWAB PERTANYAAN PEMBERITA MENGENAI KEDUDUKAN ENCIK KALAUKAU UNTOL EKORAN KRISIS POLITIK PARTI BERSATU SABAH (PBS).

KETIKA DITANYA SAMA ADA KENYATAANNYA ITU MENUNJUKKAN YANG PILIHAN RAYA UMUM SUDAH HAMPIR, BELIAU Sambil-ketawa menjawab= + (PILIHAN RAYAUMUM) TIDAK LEUAT DARIPADA APRIL 1991.+

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, KETUA MENTERI SABAH DATUK SERI JOSEPH PAIRIN'KITINGAN TELAH MENJELASKAN KEPADANYA HENGENAI APA YANG BERLAKU DI SABAH DAN SEBAB-SEBAB PENYINGKIRAN DATUK MARK KODING DARIPADA JAUATAN TIMBALAN KETUA MENTERI. -- LAGI.

1542MST 26 08 89

D897

U 8494 DEB
MAHATHIR - PBS 2 KUALA KELAUANG

DATUK SERI PAIRIN YANG JUGA PRESIDEN PBS TELAH DILAPORKAN BERKATA SEMALAM BAHUA BELIAU TELAH MENJELASKAN KEPADA PERDANA MENTERI BERHUBUNG DENGAN TINDAKANNYA MENGGANTUNG KEANGGOTAAN DATUK KODING DAN 10ORANG ANGGOTA PBS YANG LAIN.

PADA PERTEMUAN SEMALAM ITU, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR, BELIAU TELAH MEMINTA DATUK SERI PAIRIN SUPAYA MENGELAKAKAN DARIPADA TIMBULNYA KEPERLUAN UNTUK MENGADAKAN PILIHAN RAYA KECIL DI SABAH KERANA IA AKAN MEMBAZIRKAN WANG.

+KALAU KITA ADAKAN SEHINGGA DUA TIGA KALI PILIHANRAYA KECIL KEMUDIAN DISUSULI DENGAN PILIHAN RAYAUMUM,INI AKAN MEMBAZIRKAN WANG,+ KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, MENGIKUT PERATURAN PBS, KALAU SESEORANG ITU ANGGOTA DEUAN MENINGGALKAN ATAU DIPECAT DARIPADA PARTI ITU, BARULAH PERLU DIADAKAN PILIHAN RAYA KECIL. SETAKAT INI DIA (DATUK KODING) BELUM KELUAR DARIPADA PARTI.

MENGENAI SENARAI CALON PBS YANG LAYAK DUDUK DALAM KABINET YANG DILAPORKAN DIKEMUKAKAN OLEH DATUK SERI PAIRINKEPADANYA, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, KALAU BELIAU HENDAK MENGADAKAN ROMBAKAN, SENARAI ITU AKAN DIPERTIMBANGKAN. -- LAGI.

1550MST 26 08 89

D901

U 8497 DEB
MAHATHIR - PBS 3 KUALA KELAWANG

PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU YAKIN KERAJAAN SUDAH MENCAPAI KEKUATAN UNTUK MEMENANGI PILIHAN RAYA KERANA SUASANA DALAM NEGARA SEMAKINBAIK, EKONOMI TELAH PULIH DAN KEADAAN PILITIK JUGA SUDAH TENANG.

+KALAU KEADAAN SEPERTI INI BIASANNYA KITA BOLEH MENANG. DALAM TAHUN 1986 WALAUPUN EKONOMI MEROSOT DAN RAMAI YANG BERKATA KITA AKAN KALAH, KITA MENANG DENGAN LEBIH BAIK LAGI,+ KATA BELIAU.

PERDANA MENTERI YAKIN KERAJAAN BOLEH MEMENANGI PILIHAN RAYAPADA WAKTU MANA SEKALIPUN +WALAUPUNPADA BULAN APRIL 1991.+

MENGENAI ANDAIAN SEBUAH MAJALAH ASING BAHAWA PERLANTIKAN BEKAS TIMBALANPERDANA MENTERI DATUK MUSA HITAM SEBAGAI WAKIL KERAJAAN UNTUK MELAWAT BEBERAPA NEGARA KOMANWEL MERUPAKAN SUATU +PEMULIHAN,+ BELIAU BERKATA SESIAPA SAHAJA BOLEH MEMBUAT TAFSIRAN SENDIRI BERHUBUNG DENGAN PERKARA ITU.

+TETAPIPADA PENDAPAT SAYA, BELIAU (DATUK MUSA)MEMPUNYAI KEMAMPUAN UNTUK MENJALANKANTUGAS SEBAGAI DUTA UNTUK TUJUAN TERTENTU DAN SAYA FIKIR DENGAN KEADAAN ITU, ELOKLAH BELIAU MENJALANKAN TUGAS INI,+ KATANYA. -- LAGI.

1557MST 26 08 89

UB498 DEB
MAHATHIR - PBS 4 KUALA KELAWANG

BELIAU BERKATA, DATUK MUSA JUGA AKAN MENJADISALAH SEORANG DARIPADA ANGGOTA ROMBONGAN MALAYSIA KE PERSIDANGAN PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU (PBB) TAHUN INI. ROMBONGAN ITU AKAN DIKETUAI OLEH TIMBALAN PERDANA MENTERI ENCIK GHAFAR BABA.

DATUK SERI DR MAHATHIRBAGAIMANAPUN ENGGAN MENGULASDESAS-DESUS BAHAWA DATUK MUSA AKAN DIBAWA MASUK SEMULA KE DALAM KABINET.

BELIA TURUTMELAHIRKAN DUKACITANYA DENGAN TINDAKAN BEBERAPA PIHAK YANG KELUAR DARIPADA MAJLIS PERUNDINGAN EKONOMI NEGARA (MAPEN). KATANYA, PENUBUHAN MAJLIS ITU UNTUK MEMBERI PELUANG KEPADA GOLONGAN YANG SERING MENKRITIK DASAR EKONOHI BARU (DEB), SUPAYA MENOLONG MEMBETUK DASAR EKONOMI YANG BOLEH DITERIMA OLEH SEMUA PIHAK.

UNTUK MEMBENTUK DASAR EKONOMI YANG BOLEH DITERIMA OLEH SATU PIHAK SAHAJA ADALAH MUDAH, KATA BELIAU, TETAPI MATLAMAT KERAJAAN IALAH UNTUK MEMBENTUK DASAR YANG BOLEH DITERIMA OLEH SEMUA PIHAK.

+SAYAHARAPMEREKA AKAN KEMBALI MEMBERI PENDAPAT DAN MENERIMA PERSETUJUAN YANG DICAPAI OLEH MAJLIS ITU,+ KATANYA. -- BERNAMA.

1607MST 26 08 89